

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB AHMAD MARZUK BIN SHAARY [BACHOK]
TARIKH : 23 MAC 2015
SOALAN :

YB Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [Bachok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah hospital di dalam negara mengikut negeri, jajahan dan tahun pembinaan serta kawasan-kawasan yang sangat memerlukan kemudahan hospital. Apakah perkembangan terkini pembinaan Hospital Bachok. Apakah tidak menjadi keutamaan kepada Kementerian untuk ia disegerakan.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Disember 2014, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mempunyai 142 buah hospital di seluruh negara. Daripada jumlah ini, sembilan (9) buah hospital merupakan Institusi Perubatan Khas yang terdiri daripada empat (4) hospital Psikiatri, Institut Perubatan Respiratori, Pusat Kawalan Kusta Negara, Hospital Rehabiltasi, Hospital Wanita dan Kanak-kanak dan Institut Kanser Negara.

Bilangan hospital KKM paling banyak adalah di negeri Sabah dengan 24 hospital, diikuti dengan Sarawak dengan 22 hospital dan Perak dengan 15 hospital.

Pembangunan Hospital Bachok (76 katil) telah diluluskan di dalam RMK-10. Kaedah pelaksanaannya adalah secara konvensional. Pada masa ini, pembangunan rekabentuk akhir sedang dilaksanakan. Projek ini akan ditender pada pertengahan tahun ini dan dijangka akan memasuki tapak pada penghujung 2015.

Tuan Yang di-Pertua,

KKM sentiasa memberi keutamaan sepenuhnya kepada pembinaan fasiliti kesihatan supaya dapat menyediakan perkhidmatan kesihatan yang bersepadu dan berkualiti demi peningkatkan tahap kesihatan rakyat.

Bagi projek pembinaan Hospital Bachok, pembinaan hospital berkenaan dengan kemudahan 76 katil berjalan mengikut perancangan seperti yang dijadualkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai agensi pelaksana.

Pada masa ini, pembinaan Hospital Bachok sedang dalam peringkat rekabentuk terperinci di mana, sesi Interaksi Data Ruang (*Room Data Interaction*) telah diadakan pada bulan Februari 2015 dan dijangka berakhir pada bulan Mac 2015. Selain itu juga, Mesyuarat Pra Makmal Kejuruteraan (*Value Engineering*) telah diadakan pada 9 Februari 2015 di mana Makmal Kejuruteraan Nilai dijangka akan diadakan pada bulan April 2015. Setelah siap rekabentuk terperinci dan pelaksanaan Makmal

Kejuruteraan Nilai, pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) akan membuat perolehan yang dijangkakan pada bulan Ogos 2015. Surat Setuju Terima (SST) dijangka akan dikeluarkan pada Januari 2016 manakala, Tarikh Milik Tapak (TMT) dijangka pada Februari 2016.